

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2021 SIRI 2 MENGENAI AUDITAN KHAS
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR, AKTIVITI JABATAN NEGERI DAN
PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI KEDAH**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar, Aktiviti Jabatan Negeri dan Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Kedah. LKAN ini mengandungi laporan khas berkaitan Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar serta Pengurusan Tanah Simpanan Melayu. Laporan berkaitan Pengauditan Pematuhan ialah Bayaran Kontrak Perkhidmatan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah (PTG Negeri Kedah); Bayaran Perkhidmatan dan Bekalan di Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah (PPAK); dan Pemberian Bantuan Am di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Baling dan Daerah Kota Setar. Perincian bagi setiap bahagian adalah seperti berikut:

1.1. Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar

Kajian Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar dijalankan terhadap Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNKe). Keluasan Kawasan Berhutan adalah sebanyak 344,850 hektar (ha) iaitu 36.3% berbanding keluasan keseluruhan Negeri Kedah.

a. Pencapaian Output

- i. kutipan hasil hutan dari tahun 2016 hingga 2021 adalah sejumlah RM234 juta, mencapai 92.9% berbanding sasaran yang ditetapkan oleh JPNKe iaitu sejumlah RM251.84 juta;
- ii. keluasan kawasan berhutan berjaya dikekalkan sehingga 340,000 ha (100.0%) setakat tahun 2020 mengikut Rancangan Struktur Negeri (RSN) 2020, dengan pencapaian sebenar adalah pada keluasan 344,850 ha (101.4%). Keluasan Hutan Simpan Kekal (HSK) pada tahun 2021 seluas 341,881 ha iaitu 36% berbanding 36.9% yang disasarkan mengikut RSN 2035; dan
- iii. hanya 11 (57.9%) daripada 19 strategi Rangkaian Ekologi CFS dilaksanakan.

b. Pencapaian Keberhasilan

- i. Aspek ekonomi – Sejumlah RM234 juta iaitu 6.1% telah disumbangkan oleh hasil hutan kepada negeri Kedah dari tahun 2016 hingga 2021. Sebanyak 1.54 juta m³ kayu balak telah dikeluarkan bagi tempoh tersebut. Bagaimanapun, tiada pengeluaran kayu dari aktiviti Projek Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) bagi menampung pengeluaran kayu hutan setakat tahun 2021;
- ii. Aspek sosial - Impak positif dengan mewujudkan 1,833 peluang pekerjaan namun wujud konflik hidupan liar dengan mencatatkan 3,679 aduan oleh PERHILITAN bagi tahun 2016 hingga 2021; dan

- iii. Aspek alam sekitar – 18 kes aduan pencemaran di kawasan berhutan disebabkan oleh projek pembangunan ladang hutan dan aktiviti pembalakan yang memberi impak negatif terhadap alam sekitar. Selain itu, 15 kes pelanggaran syarat kelulusan *Environmental Impact Assessment* (EIA) melibatkan empat projek PPLH di bawah Perbadanan Menteri Besar Kedah (PMBKed).

c. Pengurusan Aktiviti

Penemuan Audit bagi aspek pengurusan aktiviti adalah seperti berikut:

- i. tunggakan hasil hutan berjumlah RM18.6 juta (2008 hingga 2020) daripada PMBKed setakat bulan Mac 2022;
 - ii. 42 lesen usahasil dijalankan dalam Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Tahap 1 dengan keluasan 8,897.25 ha dari tahun 2016 hingga 2021;
 - iii. pengurusan PPLH bagi tempoh 2016 hingga 2021 adalah kurang memuaskan:
 - seluas 26,095 ha telah diberi kelulusan bagi PPLH oleh Kerajaan Negeri berbanding kuota yang ditetapkan oleh Majlis Tanah Negara (MTN) dengan keluasan 15,380 ha.
 - seluas 17,183 ha kawasan PPLH dikenalpasti berada di luar kawasan terosot.
 - seluas 5,674 ha kelulusan PPLH tiada kelulusan Laporan EIA baharu bagi pertukaran spesies yang diluluskan iaitu *Timber Latex Clone* (TLC) kepada pokok spesies durian.
 - iv. aktiviti kuari pasir di HSK Koh Moi telah menyumbang kepada pencemaran air sungai dan mendapan kelodak di Sungai Sintok.
 - v. sebanyak 179 kes pencerobohan melibatkan seluas 3,428.11 ha diteroka dari tahun 2011 hingga 2021.
- d. Sebagai penambahbaikan, sebanyak lima syor Audit telah diberikan oleh Ketua Audit Negara.

1.2. Kajian Pengurusan Tanah Simpanan Melayu

Kajian Pengurusan Tanah Simpanan Melayu dijalankan terhadap Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah (PTG). Keluasan Tanah Simpanan Melayu (TSM) adalah sebanyak 548,570.38 ha iaitu 57.8% berbanding keluasan keseluruhan Negeri Kedah.

a. Pencapaian Output

- i. pencapaian keluasan TSM adalah memuaskan apabila luas TSM yang diisytiharkan berada pada nisbah 57.8% atau 548,570.38 ha berbanding 949,270.18 ha keluasan tanah negeri.
- ii. pencapaian penggantian TSM untuk tempoh tahun 1992 hingga 2021 adalah baik apabila TSM seluas 4,066.89 ha yang dibatalkan telah diganti dengan tanah luar simpanan Melayu seluas 4,371.81 ha iaitu melebihi sebanyak 304.92 ha (7.5%).

b. Pencapaian Keberhasilan

- i. keberhasilan pengurusan TSM diukur berdasarkan pegangan hak milik TSM yang dikeluarkan oleh data SPTB sehingga 31 Disember 2021. Adalah didapati pengekalan pegangan hak milik perseorangan Melayu adalah tertinggi iaitu 74% yang melibatkan sebanyak 293,259 pemilik dengan keluasan 405,679.46 ha.
- ii. bagaimanapun, sebanyak empat hak milik yang telah dibuat pembatalan TSM mempunyai binaan bangunan di atas tanah jenis pertanian tanpa mengubah penggunaan tanah kepada jenis bangunan.

c. Pengurusan Aktiviti

Penemuan Audit bagi aspek pengurusan aktiviti adalah seperti berikut:

- i. PTG tidak menetapkan tempoh masa bagi proses pewartaan;
- ii. sebanyak tiga permohonan telah diwartakan sebelum selesai pembayaran;
- iii. sebanyak lima dokumen hak milik yang telah dibatalkan TSM tetapi masih belum diubah status kepada bukan TSM dan tiga dokumen hak milik yang telah dimasukkan TSM belum diisytiharkan sebagai “Pengisytiharan Rezab Melayu” pada dokumen daftar hak milik;
- iv. ketiadaan endorsan “Pengisytiharaan Rezab Melayu” pada dokumen hak milik TSM dan data SPTB menyebabkan berlakunya urus niaga dengan bukan Melayu; dan
- v. rekod TSM dan data SPTB yang tidak lengkap dan tidak kemas kini menyebabkan keluasan TSM di daerah Kota Setar melebihi keluasan daerah; sebanyak 886 hak milik tidak dapat dikenal pasti kegunaan tanahnya; 20 hak milik TSM pada Daftar Permohonan Pembatalan dan Penggantian tidak wujud pada data SPTB yang dikemukakan; 13 hak milik pada data SPTB tidak mencatatkan keluasan TSM; dan peranan SPTB sebagai Bank Data Tanah di PTG dan PDT adalah tidak berfungsi secara menyeluruh.

- d. Sebagai penambahbaikan, sebanyak lima syor Audit telah diberikan oleh Ketua Audit Negara.

2. Pengauditan Pematuhan Jabatan dan Agensi Negeri Kedah

Pengauditan pematuhan tahun 2021 dijalankan terhadap tiga jabatan dan satu agensi melibatkan perbelanjaan berjumlah RM13.56 juta. Jabatan dan agensi yang terlibat ialah Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Baling, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kota Setar dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah.

2.1. Bayaran Kontrak Perkhidmatan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah

- a. Pembayaran Penuh Dibuat Bagi Perkhidmatan Yang Tidak Dilaksanakan Dengan Sempurna berjumlah RM311,364.
 - pembayaran penuh berjumlah RM126,492 dan RM184,872 masing-masing telah dibuat kepada syarikat keselamatan dan kontraktor pembersihan bangunan dan senggaraan landskap walaupun perkhidmatan tidak dilaksanakan dengan sempurna seperti yang ditetapkan dalam dokumen kontrak.

2.2. Bayaran Perkhidmatan dan Bekalan Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah

- a. Pembayaran Perkhidmatan Tanpa Borang Setuju Terima (BST) dan Kontrak berjumlah RM0.63 juta.
 - tiga perkhidmatan yang tamat tempoh telah dibuat pembayaran tanpa BST dan dokumen kontrak berjumlah RM363,649. Manakala, dua daripada tiga lagi perkhidmatan yang masih berkuatkuasa telah dibuat pembayaran berjumlah RM263,111 selepas empat bulan dari tarikh BST dan sebelum kontrak ditandatangani.
- b. Pembayaran Sebelum BST Dikeluarkan Dan Sebelum Kontrak Ditandatangani berjumlah RM40,482.
 - pembayaran pertama dan kedua berjumlah RM26,988 dibuat sebelum BST dikeluarkan dan ditandatangani balas. Manakala, pembayaran ketiga berjumlah RM13,494 dibuat selepas empat bulan daripada tarikh BST ditandatangani balas dan sebelum kontrak formal ditandatangani.
- c. Bayaran Tanpa Kelulusan Pelanjutan Kontrak berjumlah RM29,486.
 - dua perolehan telah dilanjutkan tempoh perkhidmatan selama satu bulan, tanpa sebarang bukti kelulusan lanjutan diperoleh daripada Jawatankuasa Sebut Harga. Oleh itu, pembayaran berjumlah RM29,486 telah dibuat tanpa kelulusan dan melebihi nilai kontrak.

- d. Pengesahan Bayaran Tanpa Dokumen Kesempurnaan Perkhidmatan berjumlah RM477,574.

- 22 pembayaran berjumlah RM477,574 bagi dua perkhidmatan kawalan keselamatan di enam perpustakaan cawangan telah dibuat pengesahan ke atas perkhidmatan yang diterima tanpa dokumen sokongan bagi memperaku bahawa perkhidmatan telah dilaksanakan dengan sempurna.

2.3. Pemberian Bantuan Am di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Baling dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kota Setar

- a. Kesilapan Pembayaran Bantuan Am Ke Akaun Bank Penerima Lain berjumlah RM9,650.

- kesilapan pembayaran ke akaun penerima lain bagi lapan arahan pembayaran berjumlah RM1,600 dan terdapat lebih bayaran kepada penerima lain sejak bulan Ogos 2017 berjumlah RM8,050.

- b. Pembayaran Bantuan Am Dibuat Dua Kali Kepada Penerima Yang Sama berjumlah RM1,800.

- sembilan kes pembayaran bantuan am telah dibuat dua kali kepada penerima yang sama berjumlah RM3,750 berbanding kelayakan RM1,950.

- c. Pembayaran Kepada Penerima Yang Telah Meninggal Dunia berjumlah RM19,106.

- pembayaran kepada 26 penerima bantuan am yang telah meninggal dunia di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Baling dan lapan penerima bantuan am yang telah meninggal dunia di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kota Setar masing-masing berjumlah RM6,274 dan RM12,832.

- 2.4. Sebagai penambahbaikan, sebanyak sembilan syor Audit telah diberikan oleh Ketua Audit Negara.